

terus
ke
awan



Kronologi kini berada di persimpangan penting apabila berusaha mengubah
perniagaannya daripada penyedia penyelesaian storan tradisional kepada
syarikat teknologi berteraskan kecerdasan buatan (AI).

DARIPADA PENSTORAN KEPADA AI: MAMPUKAH KRONOLOGI MEREALISASIKAN STRATEGI BAHARUNYA?

Prestasi kewangan yang lemah lazimnya menimbulkan persoalan dalam kalangan pemegang saham: apakah langkah seterusnya? Bagi Kronologi Asia Berhad (Kronologi), persoalan itu menjadi semakin penting selepas syarikat mencatatkan prestasi yang mengecewakan pada tahun kewangan 2025, termasuk kerugian sebelum cukai pertama dalam tempoh sedekad serta berakhirnya kerjasama jangka panjang dengan Quantum Corporation (Quantum).

Tidak sekadar menilai prestasi lepas, Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) tahun kewangan 2026 dijadikan platform kepada pihak pengurusan untuk menjelaskan sebab masa depan syarikat tidak lagi bergantung kepada penyelesaian storan perusahaan tradisional. Sebaliknya mereka mengubah hala tuju kepada strategi baharu berasaskan AI yang diyakini mampu memacu pertumbuhan jangka panjang.

Perniagaan di Persimpangan Perubahan

Keperluan untuk berubah sememangnya jelas. Tahun kewangan 2025 merupakan tahun yang mencabar buat Kronologi apabila pendapatannya merosot 30.6% kepada RM193.8 juta. Pada masa yang sama, Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai pertama dalam tempoh sedekad, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai muhibah sebanyak RM206.3 juta serta rosot nilai ke atas Pusat Penyelesaian Awan (*Cloud Solution Centre*) berjumlah RM17.7 juta.

Berakhirnya kerjasama jangka panjang dengan Quantum lebih daripada sekadar kehilangan rakan teknologi. Walaupun produk berjenama Quantum menyumbang kira-kira 26% daripada pendapatan untuk tahun kewangan 2025, penamatan kerjasama itu menyebabkan syarikat merekodkan rosot nilai yang besar dan ini mengukuhkan lagi keputusan pengurusan untuk mengalihkan tumpuan kepada bidang pertumbuhan baharu.

Menurut pengurusan, transformasi ini perlu dilakukan kerana landskap pengurusan data perusahaan sedang berubah dengan pantas. Penyelesaian storan tradisional semakin menjadi komoditi, manakala AI secara asas mengubah cara organisasi mengurus dan memanfaatkan data.

Jika dahulu syarikat lebih menumpukan kepada persoalan lokasi penyimpanan data atau cara mengurangkan kos storan, kini perhatian beralih kepada bagaimanakah AI boleh mengakses data secara selamat? Bagaimanakah data sensitif dapat disimpan dalam lingkungan negara, serta bagaimanakah syarikat dapat memenuhi keperluan tadbir urus dan kawal selia ketika penggunaan AI semakin meluas? Perubahan ini mencerminkan anjakan dalam industri, daripada menawarkan kapasiti storan kepada penyelesaian pengurusan data yang lebih pintar.

Menyedari perubahan struktur ini, Kronologi sedang mentransformasikan syarikat daripada penyedia storan perusahaan tradisional kepada penyedia infrastruktur data AI. Melalui kerjasama eksklusif di rantau Asia Pasifik (APAC), Kumpulan berhasrat untuk melengkapi dan bukannya bersaing dengan penyedia perkhidmatan awan berskala besar seperti Amazon Web Services dan Microsoft Azure. Penyelesaian yang ditawarkan membolehkan pelanggan mengurus data merentasi persekitaran IT hibrid, pada masa yang sama memenuhi keperluan tadbir urus data dan kedaulatan data yang semakin meningkat.

Untuk melaksanakan strategi ini, Kronologi telah membentuk ekosistem rakan teknologi yang strategik, dengan setiap rakan memainkan peranan berbeza dalam rantai nilai infrastruktur data AI.

Rakan di peringkat asas ialah LT ZERO Pte. Ltd. (LT ZERO). Melalui kerjasama dengan BDT Media Automation GmbH dari Jerman, syarikat ini menyediakan penyelesaian storan arkib yang selamat dan boleh diskalakan. Penyelesaian ini mampu menyimpan data bersaiz petabait sehingga 100 tahun bagi menyokong pertumbuhan pesat data yang dijana oleh AI.

Turut melengkapi lapisan ini ialah Hammerspace Asia Pte. Ltd. (Hammerspace)¹ yang menangani antara cabaran utama infrastruktur AI, iaitu memastikan data dapat dihantar kepada unit pemprosesan grafik (GPU) dengan pantas dan cekap. Seni bina Tier 0² mengurangkan kelewatan akses data serta membolehkan data diurus secara lancar merentasi pelbagai persekitaran awan dan sistem di premis. Ini membolehkan organisasi memaksimumkan prestasi sumber pengkomputeran AI yang bernilai tinggi.

Ekosistem ini disempurnakan oleh Secuvy, Inc. (Secuvy) yang membolehkan organisasi mengenal pasti, mengelaskan dan melindungi data sensitif sebelum data tersebut digunakan oleh AI. Ini membantu syarikat memenuhi keperluan yang semakin ketat berkaitan kedaulatan data, privasi dan pematuhan kawal selia.

Secara keseluruhan, kerjasama ini bukan sekadar tiga perjanjian yang berasingan. Ia meluaskan ekosistem teknologi Kronologi daripada penyelesaian storan perusahaan tradisional kepada infrastruktur data AI. Dari perspektif pemegang saham, mempelbagaian ini mengukuhkan nilai yang ditawarkan oleh Kumpulan di samping mengurangkan pergantungan kepada satu ekosistem teknologi sahaja.

¹ Kredibiliti Hammerspace turut diperkukuh menerusi pusingan pembiayaan terbaharu berjumlah AS\$100 juta yang diterajui pelabur termasuk Altimeter Capital dan ARK Invest. Teknologinya juga telah digunakan dalam penyelesaian yang menyokong organisasi seperti Meta dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat.

² Seni bina Tier 0 menyediakan akses data yang amat pantas, memastikan unit pemprosesan grafik (GPU) sentiasa menerima data yang diperlukan untuk beban kerja AI. Ini membolehkan sumber pengkomputeran digunakan dengan lebih cekap dan prestasinya dipertingkatkan.

Tanda-Tanda Awal Yang Menggalakkan

Pihak pengurusan melaporkan perkembangan awal yang positif apabila sebahagian besar pendapatan Kumpulan yang direkodkan pada suku pertama tahun kewangan 2027, meningkat 4.5% kepada RM61.9 juta, berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, disumbangkan oleh kerjasama strategik baharu itu.

Bagi membantu pemegang saham menilai kemajuan transformasi ini, pihak pengurusan turut menggariskan sasaran pendapatan untuk tempoh tiga tahun, masing-masing sebanyak RM230 juta, RM270 juta dan RM330 juta. Berdasarkan pencapaian suku pertama tahun kewangan 2027, pendapatan semasa bersamaan kira-kira 18.8% daripada sasaran tahun ketiga. Walaupun perkembangan ini memberikan petanda yang memberangsangkan, transformasi tersebut masih berada di peringkat awal dan kejayaan jangka panjangnya hanya dapat dinilai dalam beberapa tahun akan datang.

Apakah Yang Perlu Diawasi Oleh Pemegang Saham?

Walaupun Kronologi memasuki fasa transformasi ini dengan strategi yang jelas, rakan teknologi yang diyakini serta kedudukan kewangan yang kukuh, yang termasuk tunai berjumlah RM47.0 juta dan nisbah penggearan yang konservatif sebanyak 14.5% setakat suku pertama tahun kewangan 2027, kejayaan pelaksanaannya masih belum terjamin. Oleh itu, pemegang saham perlu terus memantau beberapa perkara penting.

Cabaran pertama ialah kemampunan kerjasama strategik. Walaupun Kronologi berjaya memperoleh hak kerjasama eksklusif di rantau APAC dengan LT ZERO, Hammerspace dan Secuvy, aspek ekonomi jangka panjang kerjasama tersebut masih belum dapat dipastikan. Tempoh perjanjian, skop hak eksklusif, syarat pembaharuan dan pengaturan komersial tidak didedahkan kepada umum. Memandangkan Kronologi tidak memiliki teknologi asas tersebut, pemegang saham perlu memantau sama ada kerjasama ini kekal kukuh dan dapat terus menyokong pertumbuhan syarikat dalam jangka panjang.

Cabaran kedua ialah keupayaan membezakan syarikat daripada pesaing. Walaupun Kronologi tidak bersaing secara langsung dengan penyedia perkhidmatan awan berskala besar, pelanggan perusahaan mempunyai pelbagai pilihan penyelesaian infrastruktur AI dan pengurusan data. Oleh itu, syarikat perlu membuktikan bahawa kerjasama eksklusif APAC, pendekatan yang bebas vendor serta kepakaran pelaksanaan di peringkat serantau benar-benar memberikan kelebihan daya saing.

Projek infrastruktur AI lazimnya melibatkan tempoh jualan yang lebih panjang kerana ia memerlukan penilaian teknikal, ujian bukti konsep (proof of concept) serta kelulusan daripada pelbagai pihak sebelum pelaksanaan. Kronologi perlu meningkatkan kesedaran pasaran dan bekerjasama rapat dengan pelanggan bagi membuktikan nilai penyelesaiannya dan pada masa yang sama turut memenuhi keperluan tadbir urus data, kedaulatan data dan pematuhan kawal selia. Pada akhirnya, kejayaan syarikat

bergantung kepada keupayaannya menukarkan peluang tersebut kepada pendapatan yang berulang serta margin keuntungan yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Kronologi telah mengemukakan visi yang meyakinkan tentang hala tuju masa depannya. Namun, ujian sebenar terletak pada pelaksanaan strategi tersebut, sama ada syarikat mampu mengkomersialkan kerjasama strategiknya dengan berkesan, seterusnya menterjemahkan visi itu kepada pertumbuhan yang mampan, keuntungan yang lebih kukuh serta penciptaan nilai jangka panjang kepada pemegang saham.

[TAMAT]

Pengumuman Khas



PANEL DISCUSSION 30 July 2026 | 9:00 AM - 1:15 PM

AGMs: The Good, The Bad and The Ugly

Unpack what defines a good AGM, what best practices should look like, and what companies should avoid.

Facilitator	Lead Discussant	Lead Discussant
		
Nadia Zainuddin Director Executive Education Asia School of Business	Dr Ismet Yusoff Al-Bakri CEO Minority Shareholders Watch Group	Professor Mak Yuen Teen Chair, GDInstitute Visiting Professor, Asia School of Business

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

8 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

FRAUD, SCANDALS & GOVERNANCE RED FLAGS

DETECT, ESCALATE AND PREVENT

12 AUGUST 2026
WEDNESDAY

AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR

9.00 AM - 5.00 PM

Scan the QR Code for more details

mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

8 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

FINANCIAL CRIME OUTLOOK 2026

Understanding the Environment, Governance Expectations, and Strategic Response

13 AUGUST 2026
THURSDAY

AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR

9.00 AM - 5.00 PM

Scan the QR Code for more details

mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

8 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

AML/CFT GOVERNANCE AND BOARD OVERSIGHT

Understanding Risk, Regulatory Expectations, and Leadership Accountability

18 AUGUST 2026
TUESDAY

AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR

9.00 AM - 5.00 PM

Scan the QR Code for more details

mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

16 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Building Organisational Resilience through Structured Risk Oversight

19 & 20 AUGUST 2026
WEDNESDAY & THURSDAY

THE MAJESTIC HOTEL,
KUALA LUMPUR

9.00 AM - 5.00 PM

Scan the QR Code for more details

mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

4 CPD HOURS
WEBINAR SESSION

GOVERNANCE THAT EARNS TRUST

WORKING WITH MCCG

27 AUGUST 2026
THURSDAY

MICROSOFT TEAMS

9.00 AM - 1.00 PM

Scan the QR Code for more details

mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

Register Now

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2026

Resilience in a Hothouse World

3 - 7 August 2026 | Sasana Kijang, Kuala Lumpur | Hybrid

In partnership with:

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

NGCS 2026 is Climate Governance Malaysia's flagship annual event, uniting cross-sector leaders to advance climate governance and accelerate climate action.

Join us at **RM 1000** by activating the **NGCS Impact Pledge** during registration and turning Summit insights into action.

cgmalaysia.com

PENDEPAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas keberangtungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.